

Peraturan ketat tangani penggunaan vape



Profesor Madya
Institut Pengajian
Sains Sosial Universiti
Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Madya Dr Haliza
Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Sejak memasuki pasaran sekitar 2004, vape menyaingi rokok konvensional, tetapi awal-awal lagi ia dikritik hebat pakar perubatan dan pengkaji toksikologi.

Malah, ia semakin meruncing kerana dianggap mampu mengalihkan ketagihan pada rokok konvensional, manakala perantarnya dalam pelbagai bentuk, saiz dan cecair disalah guna dengan mencampurkan sebatian kimia, sekali gus menjadikan ramai ketagih serta berubah kepada dwipengguna, rokok dan vape serentak.

Justeru, risiko vape tidak dijangka dan mengakibatkan ketagihan dos nikotin lebih tinggi berikutan penggunaan rokok elektronik hampir sepanjang hari.

Penggunaan vape meningkat sangat ketara, daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus (2022), termasuk remaja sekolah serta individu tidak merokok.

Malah, vape menjadi popular dari segi gaya hidup dan mencerminkan jiwa remaja, turut menarik minat wanita berikutan menganggapnya selamat, tiada nikotin dan selamat digunakan hingga menyebabkan peningkatan berlaku dalam kalangan remaja perempuan, daripada 2.8 peratus pada 2017 kepada 6.2 peratus (2022).

Sebahagian pengguna vape adalah perokok ingin mencari alternatif lebih sihat, tetapi sejauh manakah maksud 'sihat'?

Kandungan cecair vape mengandungi nikotin,

iaitu hasil tembakau yang menyebabkan ketagihan. Walaupun nikotinnya lebih rendah daripada rokok, ia masih mendatangkan pelbagai kesan.

Nikotin akan melepaskan hormon dopamin membuatkan penghisap vape berasa 'gembira' tetapi apabila diambil pada jumlah tinggi, ia akan menyebabkan rasa ketagih melampau.

Ia juga memberikan impak kepada jantung pada jangka panjang yang menyebabkannya berdegup lebih kencang dan tekanan darah tinggi.

Mengandungi bahan kimia berbahaya

Vape turut mengandungi bahan kimia berbahaya seperti benzana, kompaun karsinogen dikenal pasti dapat mengakibatkan kanser darah dan gangguan pada fungsi tulang sumsum serta mampu meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular.

Kandungan toluena pada penyedutan paras rendah pula boleh mengakibatkan kekeliruan, kelemahan, gangguan ingatan, loya dan gangguan pendengaran.

Penyedutan pada paras tinggi pula boleh menyebabkan pening kepala, mengantuk, tidak sedarkan diri serta perengsa kepada mata, kulit dan saluran pernafasan.

Pendedahan kepada plumbum boleh menyebabkan anemia, tekanan darah tinggi, kerosakan buah pinggang dan meninggalkan kesan toksik pada organ reproduktif.

Tahap pendedahan tinggi mengakibatkan serangan terhadap sistem saraf tunjang membawa kepada koma, sawan dan kematian. Pendedahan kanak-kanak kepada plumbum pula mengakibatkan gangguan tingkah laku.

Malah, ia turut memberi impak kepada individu

lain terhirup asap vape terutama ibu mengandung. Nikotin sedikit atau banyak tetap memberi impak bahaya pada golongan itu.

Kandungan bahan kimianya mampu memberi impak hingga janin, selain risiko kehamilan ektopik atau luar rahim dan mengakibatkan kelahiran bayi pramatang.

Kajian terhadap pelajar sarjana muda di universiti awam (UA) terpilih mendapati gejala kemurungan peringkat sederhana dan teruk adalah dalam lingkungan 13.9 hingga 29.3 peratus, gejala kebimbangan (51.5 hingga 55 peratus) dan gejala tekanan (12.9 hingga 21.6 peratus).

Kajian turut mengenal pasti tahap kesihatan pelajar menggunakan rokok konvensional dan rokok elektronik menerusi ujian saringan Depression, Anxiety & Stress (DASS) mengalami gejala kemurungan kedua-dua tahap itu sebanyak 28 peratus; kebimbangan (35.4 peratus) dan tekanan (15.7 peratus).

Kerajaan membelanjakan RM6.2 bilion bagi merawat pesakit berkaitan tabiat merokok pada 2020 dan dijangka meningkat hingga RM8.8 bilion menjelang 2030.

Bagi vape pula, Kementerian Kesihatan (KKM) menganggarkan kos rawatan bagi penyakit berkaitan mencecah RM150,000 bagi tempoh 12 hari kemasukan ke wad, manakala 38 kes penyakit berkaitan penggunaan vape termasuk evali dilaporkan bagi tempoh 2022 hingga Disember 2023.

Justeru, dalam mengekang penggunaan vape, peraturan dan penguatkuasaan undang-undang ketat perlu dilakukan, manakala usaha menghentikan tabiat negatif itu perlu dilakukan daripada awal dan secara serius.